

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

**TARIKH : 16.11.2015
SOALAN :**

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci apakah pogram-program yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar dari SJK dalam memupuk semangat perpaduan bagi melahirkan pelajar yang cintakan perpaduan dan saling hormat menghormati di antara satu sama lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan enam ciri utama bagi aspirasi murid di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Salah satu daripada ciri tersebut ialah murid yang beridentiti nasional. Ciri ini selaras dengan prinsip Rukunegara yang amat diperlukan untuk kejayaan masa hadapan negara. Setiap murid termasuk murid sekolah jenis kebangsaan akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi. Semangat patriotik dalam kalangan murid dipupuk dengan cara memahami sejarah negara dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga menetapkan aspirasi perpaduan dalam sistem pendidikan yang

menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian. Anjakan ke-3 PPPM 2013-2025: Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai telah menetapkan beberapa strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat perpaduan seperti berikut:

- i. Memperkukuh pendidikan Sivik dengan menjadikan perkhidmatan komuniti sebagai prasyarat untuk tamat persekolahan menjelang 2017;
- ii. Memperkukuh Pendidikan Islam dan Moral dengan memberi lebih fokus ke atas teras nilai dan falsafah agama utama menjelang 2017;
- iii. Memantapkan perkembangan murid secara holistik dengan meningkatkan penyertaan murid dalam 1 Sukan, 1 Kelab dan 1 Badan Beruniform; dan
- iv. Mengukuhkan dan memperluas Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) mulai tahun 2016 bagi memudah cara interaksi antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan sosio ekonomi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN : 34

Puan Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap dan kualiti teknologi radar yang digunakan oleh kapal-kapal di Malaysia termasuk kapal perdagangan kerana berlakunya kes-kes di mana terdapat kapal-kapal yang ditawan lanun, namun kita tidak dapat mengesan kewujudan kapal lanun dalam sistem radar mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua (2) jenis radar yang digunakan di dalam kapal dagang iaitu *normal radar* dan *Automatic Radar Plotting Aid (ARPA)*. Penggunaan radar adalah penting untuk mengesan kapal lain atau sebarang objek bagi mengelakkan insiden pelanggaran di laut. *Normal radar* mampu mengesan *target* namun hanya maklumat seperti kedudukan (*bearing*) dan jarak *target* berkenaan yang boleh diperolehi. Walau bagaimanapun, pengiraan secara manual perlu dilakukan bagi menentukan maklumat *target* seperti kelajuan, jarak dan laluan kapal tersebut.

ARPA pula mampu mengesan kelajuan, jarak dan laluan kapal lain di sekeliling secara automatik namun maklumat tersebut masih lagi terhad. Oleh demikian, kedua-dua radar hanya mampu memplotkan *target* tetapi masih tidak dapat mengenalpasti identiti *target*/kapal.

Untuk makluman Dewan seterusnya, sistem radar di atas kapal tidak berupaya menentukan kapal-kapal lain yang beroperasi di persekitaran samada ia adalah kapal lanun ataupun tidak. Tambahan itu, sistem radar di atas kapal juga boleh ditutup untuk mengelak daripada dikesan.

Dalam pada itu, *Vessel Traffic System (VTS)* yang dikendalikan oleh Jabatan Laut Malaysia boleh mengesan kapal-kapal yang beroperasi di dalam perairan negara namun begitu, VTS juga tidak berkemampuan untuk membezakan kapal-kapal yang digunakan oleh lanun. Justeru, Kementerian ini akan sentiasa bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam menangani isu lanun tersebut.